

SPESIFIKASI SEBUT HARGA

**MENGAJI, MEMBANGUN, MENGUJI, MENGKONFIGURASI DAN
MENTAULIAHKAN PLATFORM APLIKASI MUDAH ALIH SERTA APLIKASI
WEB BAGI PERNIAGAAN EMAS DIGITAL YAPEIMGOLD SECARA USAHA
SAMA**

NO SEBUT HARGA	: YHSB/ICT/2025-106
TARIKH BUKA TENDER	: 10 November 2025
TARIKH TUTUP TENDER	: 25 November 2025

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN PENGURUSAN DIGITAL & FRANCAIS

YAPEIM HOLDINGS SDN BHD (YHSB)

1	<p>SKOP</p> <p>Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal tempatan dan bumiputera yang berpengalaman dalam membangunkan aplikasi mudah alih dan aplikasi web bagi Mengkaji, Membangun, Menguji, Mengkonfigurasi dan Mentauliahkan Platform Aplikasi Mudah Alih serta Aplikasi Web Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold Secara Usaha Sama.</p> <p>Skop kerja yang ditawarkan adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membangunkan Aplikasi Mudah Alih dan Aplikasi Web Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold. 2. Mengkaji dan membangunkan semula fungsi di dalam Aplikasi Perniagaan Emas Digital YAPEIM sedia ada, kepada persekitaran terkini Aplikasi Mudah Alih dan Aplikasi Web Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold. 3. Mengkaji dan membangunkan fungsi penambahbaikan Aplikasi Perniagaan Emas Digital YAPEIM, kepada Aplikasi Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold berdasarkan keperluan fungsi yang dinyatakan oleh Seksyen Pengurusan Digital & Francais YHSB (ICT-YHSB). 4. Mengkaji dan membangunkan integrasi bersama: <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Payment Gateway</i> ii. <i>Aplikasi eWallet</i> iii. Lain-lain integrasi yang bersesuaian dan akan dinyatakan dari semasa ke semasa. 5. Melaksanakan migrasi data daripada Aplikasi Perniagaan Emas Digital YAPEIM sedia ada ke Aplikasi Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold. 6. Memastikan proses transisi dan migrasi di antara kedua-dua sistem berjalan lancar dan tidak memberi sebarang implikasi kepada akaun pelanggan. 7. Menyediakan dokumentasi dan latihan. 8. Semua kerja yang dilaksanakan perlu mendapat pengesahan bertulis dari Seksyen Pengurusan Digital & Francais.
2	<p>SPESIFIKASI TENDER</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tawaran sebut harga ini termasuk Mengkaji, Membangun, Menguji, Mengkonfigurasi dan mentauliahkan Platform Aplikasi Mudah Alih serta Aplikasi Web Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold Secara Usaha Sama. 2. Dokumen sebut harga ini diedarkan secara PERCUMA melalui e-mel jemputan dan permohonan melalui e-mel digitalyapeim@yapeim.my. 3. Tawaran harga dan cadangan pembangunan yang memenuhi spesifikasi tawaran sebut harga seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini sahaja yang akan diterima, dan YHSB berhak untuk MENOLAK tawaran harga dan cadangan yang tidak memenuhi syarat spesifikasi tanpa pemakluman kepada pembekal. 4. YHSB berhak menguji atau mengadakan <i>benchmarking</i> untuk menilai ketetapan sesuatu/semua kelengkapan dan perkhidmatan/kerja yang

dicadangkan bagi memastikan ia benar-benar mematuhi spesifikasi yang dinyatakan.

5. Pembekal perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut dalam fail induk yang lengkap berlabel seperti berikut:-

5.1 Fail induk A : No Sebut harga

Kandungan :

- a) Borang Sebut Harga
- b) Lampiran A : Senarai semak Sebut Harga
- c) Lampiran B :
 - i. Profil Syarikat & Prestasi/*Track Record* berkaitan projek pembangunan sistem terutama yang berkaitan dengan spesifikasi sistem yang dinyatakan dalam perkara 8.0.
 - ii. Penyata kewangan untuk tempoh 6 bulan kewangan terakhir
 - iii. Salinan Sijil Pendaftaran dan Taraf Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia dan SSM.
 - iv. Dokumen berkaitan nombor cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang sah (Jika Berkenaan)
 - v. Cadangan Pembangunan Sistem dan dokumen-dokumen berkaitan teknikal
- d) Lampiran C : Surat Akuan Sebut Harga
- e) Lampiran D : Surat Akuan Pembida
- f) Lampiran E : Surat Perwakilan Kuasa
- g) Lampiran G&H : Tawaran Teknikal

5.2 Fail Induk B :No Sebut Harga

Kandungan

- a) Borang Sebut Harga
 - b) Lampiran F: Jadual Harga Tawaran
6. Fail induk A & B yang lengkap hendaklah dihantar sebelum/pada **19 Oktober 2025 12 tengah hari** ke alamat e-mel digitalyapeim@yapeim.my.
7. YHSB tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu atau memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tawaran harga. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.
8. Tempoh sah laku Sebut Harga ini hendaklah tidak kurang dari **180 hari** selepas tarikh tutup.
9. Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan YHSB terlebih dahulu.

3	<p>INSTALASI DAN PENGUJIAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Staging Server</i> dan <i>Production Server</i> akan disediakan oleh YHSB . 2. Pihak pembekal perlu melaksana instalasi sistem ke server yang dibekalkan di lokasi yang telah ditetapkan oleh YHSB tanpa sebarang kos tambahan kepada YHSB. 3. Sekiranya terdapat keperluan <i>software / license / aplikasi</i> berbayar tambahan yang perlu ditanggung oleh YHSB, pihak pembekal perlu menyatakan keperluan tersebut secara bertulis dan mendapatkan persetujuan daripada pihak YHSB sebelum implementasi dilaksanakan.
4	<p>LATIHAN & TRANSFER OF TECHNOLOGY (ToT)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembekal yang berjaya perlu menyediakan latihan kepada pengguna (<i>Hardware / Software & Troubleshoot</i>) di lokasi yang ditetapkan. 2. Minima latihan yang diperlukan adalah seperti berikut :- <ol style="list-style-type: none"> a. Minima lima (5) orang kakitangan bagi pelaksanaan sistem b. Minima tiga (3) orang kakitangan bagi penyelenggaraan sistem c. Minima dua (2) orang kakitangan Teknikal. d. Minima sepuluh (10) hari pada hari bekerja bagi ketiga-tiga latihan (a),(b) & (c). e. Latihan perlu menekankan pelaksanaan sistem (aplikasi dan struktur pangkalan data) dan penyelenggaraan sistem. 3. YHSB akan menyediakan sekurang-kurangnya seorang (1) kakitangan yang berpengalaman dalam bidang Analisa Sistem dan seorang (1) kakitangan yang berpengalaman dalam bidang pembangunan sistem bagi memantau perkembangan projek dan pembangunan sistem , dan pihak pembekal perlu melaksanakan sesi <i>ToT</i> kepada kakitangan tersebut sepanjang proses pembangunan sistem. 4. Aplikasi yang dibangunkan adalah milik mutlak YHSB termasuk : <ol style="list-style-type: none"> a. <i>Source Code Front End & Back End</i> b. <i>API & Lib</i> c. <i>Struktur Pangkalan Data & Data</i> d. <i>Aplikasi Mudah Alih & Aplikasi Web</i>

5	<p>TEMPOH & KOS PEMBIAYAAN PROJEK</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh keseluruhan projek adalah selama 5 tahun, (+5 tahun bergantung pada prestasi pembekal untuk penyambungan kontrak). 2. Projek dibangunkan secara usaha sama. 3. Kos Pembiayaan Projek : <ul style="list-style-type: none"> • CAPEX : <ul style="list-style-type: none"> ✓ YHSB: <ul style="list-style-type: none"> ○ Infrastruktur ○ Perkakasan Sistem ✓ Pembekal : <ul style="list-style-type: none"> ○ Pembangunan Sistem ○ Data migrasi • OPEX <ul style="list-style-type: none"> ✓ YHSB <ul style="list-style-type: none"> ○ Kos operasi ○ Khidmat Sokongan selepas jualan ○ Pemasaran & Promosi ✓ Pembekal <ul style="list-style-type: none"> ○ Kos Penyelenggaraan Sistem • Perkongsian pendapatan dan kos kepada pembekal adalah dicadangkan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Caj tahunan tidak melebihi RM40,000 setahun. ✓ Caj transaksi tidak melebihi 10% daripada nilai <i>spread</i> emas (Perbezaan harga belian & jualan emas) emas digital YAPEIMGold untuk setiap gram jualan. atau; ✓ Caj transaksi tidak melebihi 0.2% daripada nilai transaksi bagi setiap transaksi yang berjaya. atau; ✓ Kaedah perkongsian pendapatan lain yang dicadangkan lebih bersesuaian. 4. Pembekal berhak mencadangkan kaedah usaha sama selain daripada yang telah dinyatakan di atas untuk pertimbangan YHSB.
6	<p>MANUAL DAN DOKUMENTASI</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembekal perlu menyatakan dengan jelas metodologi yang akan digunakan dalam proses pembangunan sistem. 2. Pembekal perlu menyediakan dokumentasi komprehensif bagi setiap perkara yang melibatkan instalasi, konfigurasi dan pentadbir sistem. 3. Pembekal perlu menyediakan dokumentasi lengkap berdasarkan metodologi pembangunan sistem yang dicadangkan. Sila senaraikan jenis dokumen yang akan disediakan. Dokumen yang lengkap dan disahkan oleh YHSB akan digunakan sebagai dokumen sokongan pembayaran. 4. Sistem dianggap sebagai SIAP selepas transaksi urusan emas digital YAPEIMGold berjaya dilaksanakan.

	<p>5. Perkongsian pendapatan akan mula dibayar kepada pembekal apabila bermulanya transaksi belian daripada pelanggan.</p> <p>6. Bayaran akan dilakukan secara bulanan.</p>	
7	TAWARAN HARGA	
	<p>1. Sila nyatakan dengan lengkap tawaran harga usaha sama seperti di Lampiran F: Jadual Harga Tawaran.</p>	
8.0	SPEKIFIKASI TEKNIKAL & PENYATA PEMATUHAN (STATEMENT OF COMPLIANCE)(Lampiran G)	
	BIL	SPEKIFIKASI MINIMA PENYATA PEMATUHAN (Y/T) (Sila nyatakan perincian dalam kertas cadangan dan nyatakan no rujukan di sini.)
	A	PENGAMBILALIHAN SISTEM SEDIA ADA
	1	<p>Berupaya mengambil alih sistem sedia ada. Sila nyatakan kaedah dan tempoh masa yang akan digunakan.</p> <p>Cadangan kaedah pengambilalihan sistem sedia ada adalah terserah kepada pembekal.</p>
	B	PEMBANGUNAN SISTEM BAHARU
	1	Pembangunan semula semua fungsi sistem sedia ada ke dalam persekitaran baharu.
	2	Penambahbaikan fungsi dalam sistem sedia ada ke dalam sistem baharu seperti berikut (tidak terhad):
	2.1	<p>Pengubahsuaian kaedah pengurusan stok emas digital - dapat menjejaki stok emas fizikal asal yang dijual, dapat maklumat harga asal, harga jualan/semasa dan keuntungan. Kaedah <i>Inventory Method</i> yang akan digunakan akan dimaklumkan semasa fasa kajian pengguna. (FIFO/LIFO/ <i>Specific Identification/ Weighted Average Cost</i>) Nota: Pembekal perlu mempunyai <i>subject expert matter</i> yang boleh memberi cadangan terbaik kepada kaedah pengurusan stok emas yang lebih teratur dan menggunakan kaedah <i>blockchain</i>.</p>

2.2	Membangunkan Modul Pendaftaran Pelanggan melalui kaedah 'Bulk Upload'.	
2.3	Fungsi Pendaftaran secara manual / melalui kios / kaunter.	
2.4	Menambah jenis pendaftaran kepada : 1. Pelanggan Organisasi. 2. Pelanggan di bawah umur 18 tahun	
2.5	Pembangunan dan pengurusan eWallet Pelanggan.	
2.6	Mengemas kini fungsi merekodkan dan mengesahkan kewujudan akaun bank pelanggan.	
2.7	Menambah baik modul konfigurasi (tidak terhad) : a. Diskaun b. <i>Spread margin</i> c. Kempen d. Perkhidmatan Jualan Barang Kemas e. Khidmat Sokongan	
2.8	Menambah baik pilihan notifikasi semasa proses pendaftaran/jualan/belian dan lain-lain proses yang bersesuaian.	
2.9	Menambahbaikkan Modul <i>Pay-out</i> (Pengeluaran Wang Tunai)	
2.10	Penambahbaikkan proses pengeluaran emas daripada digital kepada fizikal.	
2.11	Penambahbaikkan Maklumat Penama, proses tuntutan, berhenti, pindahan dan lain-lain fungsi yang sesuai.	
2.12	Penambahan Kategori Pelanggan dalam maklumat pelanggan seperti kakitangan, usahawan dan lain-lain (mengikut keperluan semasa) di mana kategori-kategori pelanggan boleh diwujudkan oleh penyelenggara sistem dalam jadual penyelenggaraan kategori pelanggan .	
2.14	Menambahbaikkan fungsi muat turun eBanker dan jika bersesuaian mewujudkan integrasi secara dalam talian.	
2.15	Menyediakan laporan-laporan yang bersesuaian bagi kegunaan operasi dan pengurusan (tidak terhad) .	

2.16	<p>Penambahbaikan berdasarkan keperluan Syariah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perubahan Paparan maklumat sebelum transaksi jual/beli dilakukan. • Ayat dalam Akuan Pelanggan diubah seperti yang telah dicadangkan • Tukar label <i>button</i> “Download Akad & Wakalah” kepada “Muat turun Akuan” • Mewujudkan Penyata ASK SERY Pelanggan • Tambah nombor jujukan di <i>table</i> jurnal . • Perubahan paparan Masa di <i>Latest Transaction</i> Pelanggan kepada dd-mm-yyyy HH:mm:ss.SSS 	
2.17	Penambahbaikan proses <i>Know Your Customer</i> (KYC)	
2.18	Mewujudkan fungsi pembelian emas digital melalui potongan gaji / berkala / eMandate.	
2.19	Mewujudkan fungsi pembelian bagi pihak / pembelian hadiah.	
2.20	Mewujudkan fungsi <i>Personal Gold trend monitoring with push notification</i> .	
2.21	Mewujudkan fungsi mekanisme kawalan pembelian emas daripada pelanggan.	
2.22	Penambahbaikan, penyusunan dan penamaan semula fungsi-fungsi sistem sedia ada.	
2.23	Membangunkan fungsi agen jualan mengikut perincian yang akan dimaklumkan kelak.	
2.24	<p>Modul Skim Jamin Emas</p> <p>Pengurusan emas digital di dalam akaun pelanggan untuk dijadikan cagaran pinjaman.</p> <p>Nota: Pembekal perlu mempunyai <i>subject matter expert</i> yang boleh memberi cadangan terbaik kepada kaedah jaminan/cagaran dan kerjasama bersama agensi luar yang bermanfaat.</p>	
2.25	<p>Modul Gadaian Emas Digital</p> <p>Proses gadaian emas digital melalui Ar Rahnu YAPEIM.</p>	
2.26	Pembangunan fungsi-fungsi lain yang bersesuaian selaras dengan pengembangan produk dan pasaran dari semasa ke semasa.	
C	PEMBANGUNAN MODUL PERAKAUNAN	
1	<p>Pembangunan Modul Perakaunan yang kemudian akan diintegrasikan kepada Sistem Kewangan MERP YAPEIM GOLD.</p> <p>Nota: Pembekal perlu mempunyai <i>subject matter expert</i> yang boleh memberi cadangan terbaik kepada kaedah pengurusan perakaunan perniagaan emas digital.</p>	

	D	PEMBANGUNAN INTEGRASI BERSAMA APLIKASI LUAR	
	1	Pembangunan API yang berkaitan (akan dibincangkan semasa proses kajian pengguna)	
	2	Penggunaan eWallet utama di pasaran sebagai salah satu kaedah bayaran.	
	3	Integrasi sistem baharu dengan TnG <i>Mobile Apps</i> melalui Mini Program.	
	4	Integrasi lain yang bersesuaian dari semasa ke semasa.	
	E	FASA PEMBANGUNAN SISTEM	
	1	<p>Pembangunan sistem akan dilaksanakan dalam beberapa fasa.</p> <p>Penstrukturan fasa akan dibincangkan secara teknikal selepas surat setuju terima ditandatangani.</p> <p>Walau bagaimanapun, pembekal perlu bersedia membangunkan sistem dalam tempoh masa yang singkat bagi mengelakkan kerugian masa dan seiring dengan perkembangan ekonomi dan teknologi semasa.</p>	
	2	<p>Pembekal perlu membuat kajian keperluan pengguna serta mengambil kira keperluan aplikasi sedia ada dan baharu berkaitan dengan aplikasi ini.</p> <p>Sila lampirkan dan nyatakan no rujukan lampiran perancangan yang bakal dilaksanakan.</p>	
	F	SKOP KERJA DAN PELAKSANAAN SISTEM	
	1	<p>Pembekal perlu memastikan pembangunan Platform Aplikasi Mudah Alih serta Aplikasi Web Perniagaan Emas Digital YAPEIMGold yang dibangunkan mengandungi ciri-ciri berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sistem berasaskan Web dan Mobile App yang boleh menampung pengguna Android, IOS and Huawei. ii. Menyokong proses kerja sedia ada yang dilaksanakan oleh YHSB dan anak syarikat. iii. Sekiranya terdapat keperluan terhadap perubahan cara kerja, Pembekal disarankan untuk memberikan cadangan dan pandangan secara bertulis dan mendapat pengesahan daripada pihak YHSB terlebih dahulu. 	

		<ul style="list-style-type: none"> iv. Mematuhi piawaian Data <i>Dictionary</i> Sektor Awam (DDSA) v. Mesra pengguna dan mesra <i>browser</i>. Sekiranya terdapat kekangan browser perlu dinyatakan secara bertulis. vi. Dalam keadaan terbaik, masa respon aplikasi MESTI KURANG dari <u>5 saat</u> apabila sesuatu pautan diklik oleh pengguna. vii. Platform yang dibangunkan MESTILAH bersesuaian bagi tujuan penambahbaikan dan perkembangan sistem. viii. Setiap transaksi hendaklah direkodkan dalam <i>audit trail</i>. ix. Mempunyai fungsi tahap akses yang berbeza bagi setiap pengguna x. Sistem MESTILAH boleh diintegrasikan dengan sistem sedia ada dalaman seperti Sistem Kewangan Ar Rahnu, Sistem Pangkalan Data Sahabat ArRahnu, dan sistem-sistem lain yang akan dikenal pasti kemudian. xi. Penempatan sistem dan pangkalan data dalam <i>operating system</i> Windows Server. xii. Mematuhi piawaian keselamatan: xiii. ISO 27001 → Standard keselamatan maklumat (global, piawaian). xiv. PDPA → Undang-undang perlindungan data peribadi di Malaysia. xv. GDPR → Undang-undang perlindungan data peribadi di Eropah. xvi. <i>Multi-factor authentication, role-based access</i>. xvii. Mempunyai automasi AI, ramalan data dan chatbot. xviii. Mempunyai data analitik masa nyata - Dashboard untuk keputusan pantas. xix. Mengaplikasikan ciri IoT, Blockchain dan Big Data xx. Menyelenggara dan memastikan sistem yang dibangunkan sentiasa dapat dicapai dengan kemampuan terbaik sepanjang masa 24X7. xxi. Bersedia untuk melakukan pembangunan bersama kakitangan teknikal YHSB sebagai satu langkah <i>Transfer of Technology</i> (ToT). Perkara ini akan memudahkan pihak YHSB memahami proses dalaman sistem seterusnya 	
--	--	--	--

		melancarkan proses pemasaran, promosi dan khidmat sokongan pelanggan kelak.	
2		Pembekal MESTI mengambil kira aspek keselamatan bagi jaminan kebolehpercayaan, kesahihan dan integriti maklumat yang berkaitan dengan sistem. Sila lampirkan dan nyatakan no rujukan lampiran pelan keselamatan pembangunan aplikasi daripada aspek keselamatan.	
3		Pembekal MESTI memastikan data sensitif adalah dalam bentuk <i>encrypted</i> apabila disimpan dalam pangkalan data atau semasa dipindahkan melalui rangkaian.	
4		Pembekal perlu membuat konfigurasi semua perisian sama ada perisian OS dan perisian aplikasi yang diperlukan bagi pelaksanaan sistem mengikut keperluan.	
5		Pembekal perlu melaksanakan kerja-kerja pembangunan sistem dan sekiranya terdapat kekangan, pembekal perlu mencari penyelesaian teknikal yang diperlukan.	
G		PANGKALAN DATA DAN BAHASA PENGATURCARAAN	
1		Pembekal digalakkan menggunakan dan menambah baik struktur pangkalan data sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya pembekal perlu membangunkan struktur pangkalan data baharu, ia dibenarkan tetapi harus mengambil kira proses migrasi data sedia ada. Perisian Pangkalan data sedia ada ialah MSSQL Server 2012	
2		Sila nyatakan jenis dan versi semua perisian/ <i>tools</i> yang akan digunakan bagi membangunkan sistem. Sekiranya perisian memerlukan bayaran lesen tahunan / bulanan, sila senaraikan dalam lampiran dan nyatakan no rujukan lampiran.	

H	REKABENTUK PROJEK	
1	Pembekal perlu mencadangkan reka bentuk/arkitektur/struktur pembangunan sistem.	
I	UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT) & UJIAN PENERIMAAN LAPANGAN (PAT)	
1	<p>Setiap aplikasi/fungsi yang dibangunkan perlu melalui Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) di <i>Staging Server</i> dan Ujian Penerimaan Lapangan (PAT) di <i>Production Server</i> sebelum ditauliahkan.</p> <p>Sila sediakan <i>template</i> pengesahan ujian yang akan digunakan.</p>	
2	<p>Pembekal perlu mengulangi fasa pengujian sekiranya aplikasi/fungsi yang dibangunkan gagal dalam setiap fasa pengujian.</p> <p>Sila nyatakan pelan pengujian yang bakal dilaksanakan.</p>	